

18/03/1998

ITX '98 landasan perkenal produk, teknologi tempatan

PERSATUAN Industri Komputer Malaysia (Pikom) menampilkan konsep berlainan dalam Pameran Teknologi Maklumat (ITX '98) kali ini dengan penumpuan kepada syarikat dan produk tempatan.

Sehingga kini menurut Pengerusinya, Shaifubahrim Saleh, kira-kira 55 peratus dan 60 peratus atau 25 hingga 30 syarikat tempatan mengesahkan penyertaan daripada 45 syarikat yang sudah mendaftar untuk ITX '98.

Keadaan itu katanya, agak berlainan daripada ITX yang diadakan selama ini lebih menumpukan kepada syarikat multinasional atau syarikat luar.

"Kali ini Pikom menumpukan kepada syarikat tempatan walaupun terdapat syarikat asing menyertainya, namun ia tetap membabitkan penyertaan syarikat tempatan seperti syarikat usaha sama."

"Daripada jumlah itu, antara tiga atau empat syarikat sudah mendapat status Koridor Raya Multimedia (MSC)," katanya kepada media di Kuala Lumpur, minggu lalu.

ITX '98 akan diadakan bersama dengan Persidangan IT Kebangsaan (Infotech) pada 21 hingga 24 April depan, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, yang mana akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC).

Antara syarikat tempatan yang akan menyertai ITX '98 itu ialah Soft H Multimedia Sdn Bhd; Mekktoon Sdn Bhd; Cosmopoint Sdn Bhd; Absolute Advantage Sdn Bhd dan VMS Technology Sdn Bhd.

Selain itu Pikom juga menerima penyertaan daripada Kerajaan negeri seperti Selangor, Sabah dan Pulau Pinang yang mana negeri berkenaan akan menunjukkan aplikasi yang digunakan dalam operasi harian.

Ujar Shaifubahrim, penumpuan kepada syarikat tempatan ialah untuk membuktikan bahawa Malaysia mampu menghasilkan produk atau teknologi sendiri yang mana mampu memasuki pasaran antarabangsa.

"Kali ini kebanyakan syarikat memberi penumpuan kepada produk pengguna selain mengetengahkan teknologi tempatan yang melambangkan satu usaha yang baik dalam industri IT negara."

"Selain itu ia membuktikan bahawa syarikat tempatan mempunyai produk/aplikasi atau teknologi yang baik selain membuktikan ia setaraf dengan produk asing," katanya.

(END)